

28/06/2003

Penjara hingga 30 tahun (HL)

Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Berikutan meningkatnya kes rogol bunuh, terbaru membabitkan

Canny Ong Lay Kian yang diculik di Bangsar sebelum dirogol dan dibunuh dua

minggu lalu, hukuman penjara maksimum ke atas pesalah bagi kes rogol dan sumbang mahram akan ditambah daripada 20 kepada 30 tahun.

Selain itu, pindaan Kanun Keseksaan yang akan dibentangkan di Parlimen September ini turut merangkumi hukuman sebat mandatori bagi pesalah jenayah itu yang berusia 50 tahun ke atas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata mesyuarat Kabinet minggu lalu meluluskan cadangan pindaan undang-undang berkenaan bagi memasukkan peruntukan baru itu. Undang-undang kini mengecualikan pesalah berumur 50 tahun ke atas daripada hukuman sebat.

"Jika seorang yang berumur 50 tahun boleh merogol, bermakna dia boleh bertahan untuk disebat," katanya selepas mempengerusikan sidang pleno Persidangan Perkhidmatan Awam Kelapan di Bukit Kiara, semalam.

Ong, 28, penganalisis teknologi maklumat di Amerika Syarikat, diculik di

Pusat Beli-belah Bangsar (BSC) ketika pergi ke keretanya di tingkat bawah

tempat meletak kereta kompleks itu pada 13 Jun lalu.

Mangsa yang pulang kira-kira dua minggu sebelum itu untuk melawat bapanya yang sakit, diculik oleh seorang lelaki yang melarikannya ke Taman

Medan sebelum merogol dan membunuhnya. Mayat Ong ditemui rentung di longkang tapak projek pembinaan Lebuhraya Pantai Baru, pada 17 Jun lalu.

Polis tidak menolak kemungkinan lelaki yang ditahan bagi membantu siasatan kes itu, turut terbabit dalam sekurang-kurangnya empat rogol lain

di sekitar Lembah Klang sejak dua tahun lalu.

Antara kes rogol bunuh menggemparkan negara sebelum ini ialah membabitkan pelajar, Audrey Melissa Patinathan, 17, pada Mei 1999. Mayatnya ditemui dalam keadaan separuh bogel dengan kesan cekik di semak berhampiran pencawang elektrik di Jalan Kinabalu di sini, pada 17 Mei 1999.

Pada 7 Oktober 2000, mayat jurutera komputer, Noor Suzaily Mukhtar, yang

dirogol sebelum dibunuh oleh seorang pemandu bas ekspres ditemui di tapak

pembinaan projek perumahan Taman Bukit Tinggi, Klang.

Mangsa lain bunuh dan rogol termasuk Nurul Hanis Kamil, 16, dari Taman Koperasi Risda, Kampung Tersusun, Serkam Darat, Melaka yang mayatnya ditemui di belukar berhampiran rumahnya dalam keadaan separuh bogel pada 3

Julai 2001 dan Siti Nurliyana Shamimi Rosdi, 2, ditemui mati selepas dirogol di Alor Star, Kedah pada 1 November tahun lalu.

Kali terakhir Kanun Keseksaan dipinda ialah pada 2001 yang antara lain memasukkan hukuman sebat bagi kes rogol dan sumbang mahram, selain

memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan sebatan mandatori bagi kesalahan berkenaan.

Rais berkata, keputusan untuk menambah penalti bagi kes rogol dalam jangka masa kurang dua tahun berikutan meningkatnya jumlah kes sumbang mahram, rogol kemudian bunuh dan rogol rompak.

Selain itu, katanya, pindaan juga akan dibuat terhadap Kanun Keseksaan untuk memasukkan peruntukan mengenai antikeganasan dan memperuntukkan tempoh tertentu kepada polis memberikan maklum balas mengenai laporan orang ramai berhubung sesuatu kes.

"Rakyat berhak untuk menerima maklum balas sama ada akan ada susulan terhadap sesuatu kes itu. Kerajaan juga akan meminda Kanun Acara Jenayah dan Akta Keadilan Jenayah berikutan dengan pindaan yang akan dibuat terhadap Kanun Keseksaan," katanya.

Rais berkata, walaupun rangka perundangan adalah sesuai dan lengkap untuk menangani peningkatan kejadian jenayah, terutama kes rogol bunuh, kerajaan perlu menterjemahkannya kepada penguatkuasaan yang berkesan.

"Saya bukan katakan usaha kita selama ini tidak mencukupi, tetapi kesedaran terhadap jenayah seumpama itu semakin meningkat.

"Malah, dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengarahkan menteri supaya lebih prihatin terhadap isu-isu jenayah kini," katanya.